

SH-41  
25/10

# Guna kaedah pembanjiran

## Parit sementara dibina bantu kawal kebakaran Hutan Simpan Sungai Karang

SABAK BERNAM - Kawasan tanah gambut seluas kira-kira 3.2 hektar berhampiran Hutan Simpan Sungai Karang di Parit 16 Sungai Panjang, di sini, yang terbakar sejak Sabtu lalu berada dalam keadaan terkawal.

Pengerusi Jawatankuasa Pengurusan Bencana Sabak Bernam, Mohd Khairuddin Md Som berkata, keadaan terkawal berikutan parit sementara (fire breaker) yang siap dibina semalam bagi menghalang kebakaran daripada merebak lebih luas.

"Ketika ini, agensi yang terlibat berusaha memadamkan api menggunakan kae-

dah pembanjiran kawasan dan setakat ini sebuah pam milik Unit Pengurusan Bencana Negeri Selangor dipasang bagi tujuan itu.

"Pam ini akan menyedut air daripada parit berhampiran sebelum air disalurkan untuk ke dalam parit sementara sebelum sebuah lagi pam milik Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS) dipasang bagi proses pembanjiran di kawasan terjejas kebakaran," katanya.

Kelmarin, seramai lebih 40 pegawai dan anggota dari pelbagai agensi di bawah JPBD Sabak Bernam 'berkampung' di lokasi terjadi-

**INFO** • Sebuah pam milik Unit Pengurusan

**Bencana Negeri Selangor dipasang bagi menyedut air masuk ke dalam parit sementara yang dibina**

an bagi menjalankan operasi pemadaman kebakaran tersebut.

"Diharapkan strategi pemadaman api menggunakan kaedah pembinaan parit sementara dan pembanjiran ini berjaya," katanya.



Sebuah pam dipasang bagi proses pembanjiran di kawasan terjejas kebakaran.